

Brunei sangat mesra dengan saya—Pesuroh Jaya Agong

D.Y.M.M. DAPAT PUJIAN BRITISH

BANDAR BRUNEI. — Kejayaan rombongan perlembagaan Brunei mengenai tuntutan berkehendakkan satu perjanjian bahu dengan Britain dan satu perlembagaan yang bertulis bagi Negeri Brunei telah di-sebut dalam satu majlis jamuan negara yang di-adakan di-Istana Darul Hana pada 21 April yang lalu.

Sir Robert Scott, Pesuroh Jaya Agong British di-Tenggara Asia telah memuji kebijaksanaan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan baginda dalam perundingan dengan wakil2 Kerajaan British di-London baharu2 ini.

Rundingan itu berakhir dengan rombongan Brunei mendapat kejayaan penuh.

Sir Robert telah sampai di-Brunei pada pagi itu dalam lawatannya yang akhir ka-Brunei sebagai Pesuroh Jaya Agong. Beliau akan balek ka-United Kingdom tidak lama lagi sa-telah menamatkan perkhidmatannya di-Tenggara Asia.

Dalam ucapan-nya membasas kata2 tahniah baginda mengadun lawatan itu, Sir Robert berkata bahawa sungguh pun beliau tidak akan datang ka-Brunei lagi sa-bagai Pesuroh Jaya Agong tetapi beliau sentiasa berharap akan mendapat peluang melawat ka-Brunei lagi.

"Banyak negeri2 yang telah saya lawati di-Tenggara Asia tetapi Brunei ia-lah sa-buah negeri yang sangat mesra dengan saya," kata Sir Robert.

Sa-belum menamatkan ucapan-nya Sir Robert telah menyempatkan para tetamu supaya minum semalam kepada Duli Yang Maha Mulia.

Lebih 100 orang pembesar negeri, ahli2 Majlis Meshuarat dan ketua2 pejabat telah hadir dalam majlis itu.

Sa-belum berlepas ka-Goa Niah di-Sarawak pada pagi 23 April, beliau telah datang ka-lapangan terbang Berakas kerana mengucapkan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia dalam lawatan rasmi baginda ka-Persekutuan Tanah Melayu.



Gambar di-atas menunjukkan Sir Robert Scott, Pesuroh Jaya Agong British di-Tenggara Asia sedang berjabat tangan dengan Duli Yang Maha Mulia di-lapangan terbang Berakas sa-belum baginda berangkat ka-Malaya pada 23 April yang lalu.

125 ORANG HAJI BAHARU DALAM TAHUN INI

BANDAR BRUNEI. — Tambatan Kastam di-pelabuhan Brunei telah di-kunjongi oleh orang ramai pada 20 dan 21 April yang lalu apabila jema'ah haji Brunei berlepas dengan kapal dalam pelayaran ka-Mekah.

Mereka itu datang ka-tambatan itu kerana mengucapkan selamat belayar kepada bakal2 haji tahun ini.

Jema'ah haji itu terbahagi kepada dua rombongan. Rombongan pertama yang berlepas pada 20 haribulan itu telah belayar dengan kapal2 kerajaan ka-Labuan untuk menaiki kapal 'Kimanis' ka-Singapura.

Rombongan kedua yang berlepas pada 21 April telah belayar terus ka-Singapura di-mana mereka akan menaiki kapal 'Anking' ka-Judah iaitu pelabuhan Mekah.

Pada tahun ini sa-ramai 125 orang, laki2, perempuan dan kanak2 telah belayar katanah suchi untuk menaiki kapal fardhu haji.

Rombongan itu di-jadualkan sampai di-Judah pada 17 May ini.

Tiga orang daripada mereka itu naik haji dengan perbelanjaan Duli Yang Maha Mulia dan tiga orang lagi dengan perbelanjaan kerajaan.

Sabelum berlepas dari Brunei

satu upacara rengkas memberi selamat belayar kepada bakal2 itu telah diadakan dengan ucapan2 yang berupa nasihat daripada pegawai2 Pejabat Ugama.

Sa-lepas ucapan2 di-lafazkan doa selamat pula di-bacha oleh Kadhi Besar, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh.

Semboyan azan pada sa'at kapal mengangkat sauh telah di-laungkan oleh sa-orang pegawai masjid Brunei, Mudim Haji Adenan.

SELUDUPAN CHANDU GELAP DI-JUMPAI OLEH KASTAM

BANDAR BRUNEI. — Satu perchubaan hendak menyeludup chandu gelap ka-negeri ini telah gagal pada malam Sabtu lepas apabila pegawai2 Kastam menahan sa-orang laki2 Melayu di-tambatan kapal di-sini.

Orang itu telah di-tahan dalam perjalanan-nya hendak keluar dari kawasan tambatan sa-telah turun dari kapal 'Bidor' yang sedang berlaboh di-tambatan itu.

Apabila di-selidek badan-nya satu benda hitam yang di-shak-

Seri Paduka akan datang ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong akan mengunjongi Duli Yang Maha Mulia Sultan di-sini dalam tahun ini.

Kunjongan Seri Paduka itu ia-lah sa-bagai balasan kepada lawatan negara Duli Yang Maha Mulia ka-Persekutuan Tanah Melayu yang berlangsung sa-lama lima hari dalam bulan April yang lalu.

Baginda telah berangkat balek ka-tanah ayer pada 29 April sa-telah mendapat sambutan yang meriah dan sa-besar2 kehormatan daripada Seri Paduka, Raja2 Melayu, Menteri2 dan pegawai2 tinggi Persekutuan.

Dalam satu pertemuan ramah di-Istana Darul Hana dengan Radio Brunei kerana memberi pandangan atas lawatan ka-Persekutuan itu baginda telah mengumumkan:

"Saya sukachita menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong telah bersetuju hendak melawat ka-Brunei dalam tahun ini. Hanya hari dan bulan-nya sahaja belum dapat di-tetapkan."

kan chandu telah di-dapati lebih kurang 5 kati berat-nya.

Benda itu telah dirampas untuk di-ujji.

"Pejabat Makmal telah menetapkan bahawa benda itu ia-lah chandu mentah," kata sa-orang juruchakap Pejabat Kastam.

Ini ada lah satu rampasan yang di-katakan besar. Chandu itu berharga \$2,000.

Akibat rampasan itu ia-lah orang Melayu itu telah di-tahan dan akan di-tuduh dalam mahkamah.

15,000 MURID BALEK BELAJAR SA-TELAH BERCHUTI

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Kerajaan di-seluruh Negeri telah di-buka sa-mula dari 26 April yang lalu sa-telah berchuti puasa dan hari raya hampir dua bulan lama-nya.

Dari hari Ithnin, 4 May apabila sekolah2 Inggeris Kerajaan di-buka sa-ramai 15,236 orang murid dari sekolah2 Melayu, Inggeris, China, sekolah2 pertukangan dan sekolah2 perkembangan agama Kristian telah hadir di-sekolah masing2.

Sekolah2 China dan sekolah2 perkembangan agama telah di-buka terlebih dahulu. Sekolah2 Melayu kerajaan yang mempunyai 7,147 orang murid itu telah di-buka sa-mula pada 26 April.

Maktab Latehan Guru2 Brunei di-Berakas telah di-buka pada 30 April.

Murid2 sekolah2 China berjumlah 3,963 dan sekolah2 perkembangan agama 2701 orang. Sekolah2 pertukangan di-negeri

ini mempunyai 223 orang penuntut.

Kehadiran di-sekolah2 pada hari pertama pembukaan sa-mula sekolah2 ada-lah di-katakan baik sungguh pun murid2 berasa sayu kerana kehilangan kebebasan sementara mereka.

Kelepasan puasa dan hari raya bagi sekolah2 Kerajaan telah

MURID2 UGAMA KA-SINGAPURA

BANDAR BRUNEI. — Lima orang penuntut Brunei telah berlepas dengan kapal terbang baharu2 ini ka-Singapura kerana memasoki sekolah Al-Khariah Islamic School.

Penuntut2 itu di-jadualkan memasoki sekolah Al-Junid Islamic School, tetapi oleh sebab daftar penuntut sekolah itu telah penuh, kemasokan penuntut2 itu tidak dapat diterima.

Di-antara penuntut2 sekolah Al-Junid Islamic School itu ia-lah 17 orang penuntut Brunei. Mereka itu telah balek ka-sekolah sa-telah berchuti puasa dan hari raya di-Brunei.

Penuntut2 Brunei yang baharu berlepas ka-Singapura itu ia-lah Abdul Ghani bin Haji Abdul Rahim, Awangku Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman, Mohammad Jali bin Abdul Latif, Abdul Halim bin Ahai dan Hamidon bin Haji Abu Bakar.

memberi kesempatan kepada sa-tengah2 guru expatriate dari Malaya dan Eropah balek ka-negeri masing2.

Guru2 itu telah pergi dan balek dengan kapal terbang dengan perbelanjaan kerajaan.

Kunjongan ketua pengakap ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penolong timbalan ketua perkhemahan pengakap, Tuan Len Spikesley, ada-lah di-jangka akan sampai di-Brunei pada awal bulan June hadapan untuk memerhatikan perjalanan pergerakan pengakap di-negeri ini.

Persatuan Pengakap Brunei berharap akan mendapat panduan daripada Tuan Spikesley sa-masa beliau berada di-sini.

Ranchangan lawatan Tuan Spikesley mengan-dongi lawatan ka-Jerudong, pusat perkhemahan pengakap Brunei.

Beliau akan berada di-Kuala Belait pada 5 June dan akan membantu Organising Commissioner, Geof Stevens, menguruskan satu kursus patrol leader di-ibu pejabat pengakap di-Seria.

PENUNTUT2 MENDUGA KEHIDUPAN DI-HUTAN

TEMBURONG. — Lima orang ahli persatuan Explorers Club SOAS College, Bandar Brunei telah meneroka pendalaman kawasan Batu Apoi di-daerah ini baharu2 ini.

Mereka itu ia-lah tiga orang guru Tuan L. A. Bradshaw, guru besar, Puan Bradshaw, Tuan M. U. Patel dan dua orang murid Form IV, Zainal bin Abd. Ghani dan Awangku Mohamed bin Pengiran Haji Ismail.

Rombongan itu telah pergi ka-Batu Apoi dan kemudian mudek ka-hulu sungai dengan perahu2 kecil melalui lebih 30 buah jeram ka-sabuh kampung Murut.

Ahli2 persatuan itu datang dari Bandar Brunei dengan out-board motor yang telah menarek perahu2 kecil itu sa-hingga ka-Batu Apoi.

Satu dari tujuan2 persatuan itu ia-lah menduga berapa lamakah sa-saorang itu boleh hidup di-pendalaman negeri dengan tidak mendapat bekalan makanan dari bandar.

Sa-lama berada di-pendalaman kawasan Batu Apoi mereka telah mendapat ikan dengan memancing di-sungai dan sayur2an dari hutan.

"Kami hanya membawa sedikit beras sa-bagai bekalan dari Bandar Brunei," kata sa-orang ahli rombongan itu.

PENUNTUT2 BORNEO BERSATU


BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 Borneo di-Australia telah melantek jawatan kuasa baharu untuk menguruskan persatuan mereka ia-itu Borneo Students' Association, Victoria dalam bulan April yang lalu.

Dalam meshuarat membentuk jawatan kuasa itu Tuan Khong Ching Choo telah di-pilih untuk mewakili penuntut2 dari Brunei. Tuan Ting Ing Kiat dari Sarawak ia-lah Yang di-Pertua.

Dalam surat-nya kepada Pelita Brunei persatuan itu telah menjelaskan dasar-nya hendak memberi penjelasan atas perjalanan persatuan.

"Kami akan menghantar surat dari satu masa ka-satu masa untuk tatapan orang2 di-tanah ayer kami" kata surat itu.

MURID2 WAKTU BEREHAT



Murid2 bukan sahaja chergas dalam menghadapi pelajaran tetapi juga chergas dalam lapangan sukan. Di-sini mereka kelihatan sedang bermain basket ball pada waktu rehat.

PERHIMPUNAN ULANG TAHUN PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Ulang tahun ke-25 penubuhan pergerakan pengakap Brunei akan di-sambut dengan satu perhimpunan pengakap sa-lama dua hari di-sini pada 4 dan 5 July.

Pada sa-belah petang 4 July satu perkhemahan Camp Fire akan di adakan dan pada pagi keesokan-nya satu perbarisan pula di-adakan.

Dalam perbarisan itu bendera Brunei akan di-sampaikan kepada pasukan pengakap yang akan berlepas ka-Filipina kerana hadir dalam jambori dunia yang ke-10 di-negeri itu.

Pergerakan pengakap Brunei akan menhadangkan dalam perhimpunan itu supaya usaha di-jalankan untuk mendirikan sa-buah pusat lathan di-Jerudong, di-pantai Negeri Brunei 15 batu dari Bandar Brunei.

Butir2 berkenaan dengan pusat

lathan itu sedang di-binchangkan dan pembenaan-nya mungkin di-mulakan pada awal bulan June hadapan ini.

Rombongan pengakap yang akan hadir dalam jambori dunia di-Filipina itu akan terdiri dari dua orang pengakap yang telah tamat dalam lathan Wood Badge bahagian pertama. Lathan itu di-jalankan dalam bahasa Inggeris, Melayu atau China.

Pergerakan pengakap Brunei telah juga mengambil keputusan hendak menghantar empat orang pengakap ka-jambori tersebut. Pengakap2 itu hendak-lah telah lulus dalam peperiksaan lathan kelas dua dan berumur sa-kurang2nya empat belas tahun.

Rombongan jambori itu akan berlepas ka-Labuan dalam perjalanan ka-Filipina pada 16 July dan balek pada 27 July.

PELABOHAN MUARA ELOK BAGI KAPAL2 BESAR HASIL LAUT BANYAK DI-SITU

Lebih kurang 17 batu dari Bandar Brunei ia-lah Bandar Muara di-pantai Telok Brunei yang sentiasa tedoh ayer-nya di-sebabkan oleh beberapa buah pulau2 kecil yang bertentangan dengan pantai itu melindungi tiupan angin yang kenchang dari Laut China.

Muara telah di-chadangkan oleh Kerajaan untuk di-jadikan sa-buah pelabuhan besar di-negeri ini yang akan menjadi pusat persinggahan kapal2 dari negeri2 luar ka-tanah besar Borneo.

Ranchangan pelabuhan itu memakan belanja berpuluh2 juta ringgit tetapi sa-takat ini belum lagi di-tetapkan sama ada ranchangan itu akan di-jalankan dengan segera atau di-tanggohkan.

Pelabuhan besar itu telah di-chadangkan sa-bagai menggantikan pelabuhan Bandar Brunei yang tidak boleh di-singgahi oleh kapal2 besar.

Muara sudah lama menjadi pelabuhan bagi nelayan2 yang tinggal di-kawasan itu. Mereka itu naik di-tambatan Muara membawa ikan yang telah ditangkap di-laut untuk di-jual.

Perayeran Muara itu-lah kawasan Brunei yang banyak sekali mengeluarkan hasil laut seperti udang dan ikan2 besar untuk di-hantarkan ka-pasar2 Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait.

Pelabuhan Muara sekarang ini bukan sahaja di-khaskan untuk nelayan2 tetapi kapal2 chalu dari Bandar Brunei, Labuan dan lain2 tempat di-Borneo Utara ada-lah juga singgah di-situ membawa bekalan untuk penduduk2 Daerah Muara.

Ranchangan hendak menjadikan Muara itu sa-bagai pelabuhan yang terbesar di-Brunei dan Borneo ia-lah kerana laut di-situ chukup dalam untuk kapal2 besar.

Ayer di-pelabuhan Muara itu di-katakan lebih 50 kaki dalam-nya hanya tidak beberapa ela sahaja dari pantai. Sa-lain dari itu Muara terkawal dari gelombang kerana pulau2 yang bertentangan dengan pelabuhan itu ia-lah benteng menahan tiupan angin yang kenchang.

Tetapi sa-hingga ranchangan menjadikan Muara sa-buah pelabuhan yang terbesar di-tanah Besar Borneo di-laksanakan ia tetap memberi perkhidmatan kepada kapal2 kecil sa-chara membaiki kerosakan pada kapal2 itu.



Ayer pelabuhan Muara sentiasa tenang. Tambatan-nya di-gunakan oleh nelayan2 yang banyak sa-kali mengeluarkan ikan di-Brunei.

Sa-orang British, Tuan George Bayram yang maher dalam kejuruteraan kapal telah membena dua slipway atau landasan pelancharan untuk menaikkan kapal2 ka-darat.

Slipway yang pertama telah di-bena berhampiran dengan tambatan Muara dan yang kedua ia-itu yang lebih besar tidak jauh dari situ.

Slipway itu telah di-bena dalam tahun 1955 dengan bantuan kerajaan.

"Saya telah mendapat pinjaman sa-banyak \$55,000 daripada Kerajaan untuk mendirikan sa-buah workshop yang chukup lengkap dengan alat dan perkakas yang di-perlukan untuk membaiki kapal2," kata Tuan Bayram.


Tuan Bayram di-bantu oleh pekerja2 dari bangsa Melayu dan China tempatan dalam perusahaan slipway itu.

Empat belas orang daripada mereka itu ia-lah kaki tangan tetap slipway tetapi pekerja sa-ramai itu tidak memadai jika perniagaan laris seperti dalam bulan lepas apabila kedua buah landasan pelanchar itu di-gunakan.


Pada masa itu bilangan buroh slipway itu di-tambah dengan mengambil pekerja2 sambilan dari penduduk2 daerah Muara.

Keadaan itu jarang berlaku kerana sa-bagaimana yang di-ketahui kapal2 di-perayeran Borneo belum banyak lagi dan yang demikian bilangan yang


(Lihat muka 7)



Sa-buah kapal chalu di-naikkan ka-landasan pelanchar untuk di-baiki.



Atas: Sa-orang pekerja workshop Muara Slipway sedang menjalankan tugas-nya. Bawah, kiri: Pekerja Slipway itu memeriksa kerosakan kapal dan kanan: Sa-orang pekerja menggunakan alat welding.



PELITA BRUNEI

Bandar Brunei

Rabu, 6 May, 1959.

**PERSAUDARAAN
BRUNEI DAN
MALAYA**

Perhubungan erat Malaya dengan Brunei ada-lah terbukti dalam majlis2 sambutan dan jamuan2 rasmi yang di-adakan di-Persekutuan Tanah Melayu sa-masa Duli Yang Maha Mulia melawat negeri itu sa-lama lima hari sa-hingga 28 April yang lalu apabila baginda berlepas dari lapangan terbang ibu kota Persekutuan ka-Singapura dalam perjalanan berangkat balek ka-tanah ayer.

Baginda telah di-sambut oleh Ketua Negara Persekutuan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Raja2 Melayu, Menteri2 dan ra'ayat Persekutuan bukan sahaja sa-bagai sa-orang tetamu negara tetapi sa-bagai sa-orang saudara yang "satu keturunan, satu bahasa, satu kebudayaan dan satu agama."

Di-lapangan terbang Kuala Lumpur baginda telah di-sambut dengan segala kehormatan. Pembesar2 negeri dan duta2 negeri asing yang ada perhubungan diplomatik dengan Persekutuan telah turut menunggu kedatangan baginda di-lapangan terbang.

Majlis Meshuarat Undangan yang sedang bersidang pada masa itu telah di-tanggohkan sa-lama dua jam untuk memberi kesempatan kepada mereka mengalu2kan Duli Yang Maha Mulia.

Dalam jamuan negara yang di-adakan di-Dewan Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Dato Paduka Abdul Razak bin Hussein telah menegaskan dalam ucapan-nya akan tali persaudaraan yang erat di-antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Brunei. Kedua buah negeri itu ada-lah satu dari segi sejarah.

Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan balas baginda telah berkata bahawa lawatan itu i-lah satu simbol yang membuktikan perasaan muhibbah antara kedua buah negeri itu makin lama makin bertambah kuat.

Perasaan ini telah di-tegaskan lagi oleh Duli Yang Maha Mulia dalam majlis jamuan teh di-Bandar Brunei yang telah di-adakan oleh ahli2 Majlis Meshuarat Negeri kerana memberi kehormatan atas pengurniaan bintang2 kebesaran Persekutuan Tanah Melayu kepada baginda.

Dalam ucapan-nya baginda berkata bahawa baginda "telah mendapat peluang melawat ka-beberapa tempat yang mustahak dan menyaksikan berbagai2 pertunjukan kebudayaan kita."

Lawatan kuatkan tali persaudaraan Brunei-Malaya

SULTAN LIHAT KEMAJUAN MALAYA

Lawatan Duli Yang Mulia ka-Persekutuan Tanah Melayu yang berlangsung sa-lama lima hari hingga 28 April yang lalu itu tidak shak lagi akan memberi faedah kepada negeri ini dan ra'ayat jelata bagi masa akan datang.

Perdana Menteri Persekutuan, Dato Paduka Abdul Razak bin Hussein dalam ucapan-nya di-majlis jamuan negara yang di-adakan di-Kuala Lumpur kerana menyambut kedatangan Duli Yang Maha Mulia telah berikrar hendak memberi apa jua bantuan yang di-perlukan oleh Brunei untuk kemajuan-nya.

Bantuan itu akan di-kehendaki tidak lama lagi kerana sa-baik sahaja perjanjian baharu antara Brunei dengan Britain di-ishtiharkan sa-lewat2-nya pada 30 September tahun ini perhubungan pertadbiran Brunei dengan Sarawak akan putus.

Ini bermaana pegawai2 teknikal yang di-pinjamkan oleh Sarawak itu akan di-tarek balek dan tempat2 mereka akan di-gantikan oleh pegawai2 yang di-datangkan terus dari Pejabat Tanah Jajahan atau dari negeri yang di-fikirkan layak oleh Brunei meminjamkan pegawai2 itu.

Dalam usaha Brunei hendak mendapatkan pegawai2 itu Malaya sudah tentu akan menerima perhatian istimewa. Pegawai2 yang akan di-pinjamkan itu akan mendapat sambutan yang lebeh mesra daripada ra'ayat jelata kerana kebudayaan, bahasa, keturunan dan agama ra'ayat kedua buah negeri itu ada-lah sama dan yang demikian akan menyenangkan perhubungan dan pergaulan.

Duli Yang Maha sudah pun

mengumumkan bahawa anggota Polis Negeri Brunei akan di-hantar ka-Persekutuan untuk mendapat latehan di-pusat Polis Polis di-negeri itu.

Dalam lawatan baginda ka-Polis Depot, Kuala Lumpur, baginda telah tertarek hati dengan chara latehan yang di-beri kepada anggota Polis Persekutuan, Pegawai Pemerintah pusat latehan itu telah memberi jaminan bahawa beliau bersedia menerima anggota2 Polis Brunei untuk di-beri latehan.

Kechenderongan Brunei kepada Malaya itu ada-lah satu perkara yang sa-mula jadi oleh sebab ra'ayat kedua buah negeri itu mempunyai satu bahasa, agama, kebudayaan dan keturunan, perasaan saling mengerti dan bersahaman akan timbul dengan sendiri-nya dan menyenangkan anak2 negeri menerima panduan yang akan di-beri oleh pegawai2 dari Persekutuan itu.

Panduan ada-lah mustahak bagi Brunei dalam perjalanan-nya karah kemerdekaan penuh.

"Saya telah dapat memerhatikan berbagai2 perkara yang berkebaikan yang akan menjadi tuladan kepada kita yang telah di-perbuat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan saya berharap sa-moga kita di-Negeri Brunei ini pun akan dapat berikhtiar dengan sa-daya upaya kita mengator dan memperbaiki keadaan masyarakat untuk kebajikan dan kema'moran ra'ayat jelata di-negeri ini," kata baginda sa-

telah melawat beberapa tempat di-Persekutuan menyaksikan kemajuan2 yang telah di-chapai oleh Persekutuan Tanah Melayu semenjak negeri itu mencapai kemerdekaan.


Baginda telah juga tertarek hati kepada usaha Persekutuan mengembangkan pelajaran, bahasa Melayu, agama dan shariat2 kerja sama dan telah melawat ka-Dewan Bahasa, University of Malaya, Kolej Islam dan kawasan perumahan di-Petaling Jaya.

"Pendek kata sa-panjang pemerhatian saya, semenjak Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan banyak perubahan2 untuk bebajikan masyarakat telah di-laksanakan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu," kata baginda lagi.

Tali persaudaraan di-antara baginda dengan Raja2 Melayu telah di-perkokohkan lagi dalam lawatan yang singkat itu.

Di-Kuala Lumpur, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong telah mengurniakan bintang kebesaran Persekutuan Darjah Utama Seri Mahkota Negara dan sa-bagai balasan Duli Yang Mulia telah mengurniakan bintang Darjah Kerabat Diraja Brunei kepada Seri Paduka.

Di-Kelantan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah mengurniakan bintang Darjah Kerabat Diraja Kelantan kepada Duli Yang Maha Mulia ia-itu sa-bagai balasan kepada bintang Darjah Kerabat Diraja Brunei yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia kepada Duli Yang Mulia Sultan Kelantan.



Tambahan kapal di-Bandar Brunei telah sesak dengan kaum keluarga dan sanak saudara jema'ah haji yang telah meninggalkan Brunei pada 21 April, 1959. Sa-belum kapal itu bertolak ucapan2 perpisahan dan, do'a selamat telah dibacakan oleh pegawai2 ugama. Di-atas kelihatan kapal "Perlis" yang membawa jema'ah haji itu ka-Singapura sedang mengangkat sauh meninggalkan tambahan kapal itu.

RA'AYAT BERGOTONG ROYONG MEMBENA SURAU BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 Kampung Sungai Hanching yang terletak lebih kurang 7 batu dari Bandar ini ka-Muara telah mengalu2kan Duli Yang Maha Mulia pada hari Ahad 19 April apabila bginda berangkat ka-kampung itu mengishtiharkan pembukaan madrasah baharu kampung tersebut.

Duli Yang Maha Mulia telah di-sambut dengan tembakan senapang dan penduduk2 kampung, laki2, perempuan dan kanak2 telah berdiri di-kiri kanan jalan ka-madrasah mengalu2kan baginda.

Madrasah itu telah di-bena sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 kampung. Perbelanjaan kerana membeli kayu dan atap sa-banyak \$1,650 telah di-dermakan oleh penduduk2 kampung sendiri.

Kawasan tapak madrasah itu sa-luas sa-tengah ekar telah diwakaffkan oleh Inche Mohamed bin Tali.

Dalam ucapan mengumumkan pembukaan madrasah tersebut Duli Yang Maha Mulia telah menguchapkan keshukoran baginda dapat berjumpa dengan ra'ayat di-kampung itu.

Baginda berharap sa-moga madrasah baharu itu akan di-jadikan pusat perkembangan agama Islam bagi penduduk2 kampung.

Turut menguchapkan tahniah atas usaha penduduk2 kampung itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar dan

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera.

Pengiran Shahbandar berkata bahawa perkembangan agama di-Negeri Brunei akan bertambah maju apabila sa-buah kolej Islam di-dirikan di-negri ini.

Kerajaan berchadang hendak membena Kolej Islam itu di-Bandar Brunei untuk penuntut2 agama Islam di-negeri ini.

Istiadat pembukaan madrasah itu telah di-kekolakan oleh suatu jawatan kuasa yang di-ketuai oleh Pengiran Tajuddin bin Pengiran Shahbandar anak Hashim.



Penduduk2 Kampung Sungai Hanching mengalu2kan kedatangan Duli Yang Maha Mulia sa-belum pembukaan madrasah baharu kampung itu.

Pembunuh perempuan tua ta' di-ketahui siapa

LUKA2 DAN TENGGORAK PECHAH

SERIA. — Satu keputusan bunuh oleh sa-orang atau orang2 yang tidak di-ketahui telah di-chatetkan oleh Coroner dalam mahkamah di-sini pada 16 haribulan April lepas berkenaan dengan kematian sa-orang perempuan China, Teo Ah Fung, berumur 65 tahun di-Sungai Tali, pada pagi 8 January tahun ini.

Tuan R.G.P.N. Combe, Stipendiary Magistrate telah menjadi Coroner dan Tuan Stephen Liew, Assistant Superintendent Police telah membentangkan keterangan2.

Suami si-mati, Wong Choi Onn, telah memberi keterangan bahawa ia telah keluar dari rumah yang di-diami-nya bersama isteri-nya pada pagi 8 January dan pergi ka-Sungai Bekong tempat ia bekerja, lebih kurang 1 jam jauh-nya jika menaiki basikal dari situ.

Apabila ia balek pada petang itu di-dapati-nya pintu hadapan rumah itu tertutup. Ia masuk dari pintu belakang dan didapati-nya isteri-nya terbaring di atas tanah berlutut dengan darah. Isteri-nya itu telah mati pada masa itu.

Doktor Shirley Tillot, Pegawai Perubatan Perempuan di-rumah sakit Kuala Belait berkata mayat sa-orang perempuan China yang di-kenali sa-bagai Teo Ah Fung telah di-bawa ka-rumah sakit itu pada pukul 10.30 malam hari itu.

Ia telah mengadakan pepereksaan atas mayat itu.

Pada fikiran-nya sebab kematian itu ia-lah kerana luka2 pada otak dan terperanjat di-sebabkan tengkorak telah pechah.

Dr. Tillot berpendapat bahawa luka2 yang di-hidapi oleh si-mati itu telah di-sebabkan oleh barang2 yang berat seperti paip timah.

PUTERA2 DIRAJA SAKSIKAN PEMBUKAAN PANGGONG

TUTONG: Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha bersama2 dengan dua orang putera sulung Duli Yang Maha Mulia, Duli Pengiran Muda Hassanel Bolkihah dan Pengiran Muda Mohammad Bolkihah telah berangkat ka-Pekan Tutong kerana menghadhiri pembukaan sa-buah

panggong wayang baharu di-sini. Panggong ini di-beri nama Mohammad Bolkihah Theatre ia itu mengambil sempana nama putera Diraja yang kedua itu.

Pembukaan panggong itu telah di-lakukan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha pada 24 April yang lalu.

ROMBONGAN PERUBATAN MELAWAT SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan perubatan akan melawat sekolah2 di-seluruh negeri kerana menanam chachar kepada murid2 dalam langkah mengawal penduduk2 negeri ini dari di-jangkiti oleh penyakit chachar.

Rombongan itu ada-lah sa-bagi tambahan pada usaha yang di-jalankan di-klinik2 rumah sakit Bandar Brunei dan Kuala Belait dan dispensary2 Tutong dan Bangar.

Sa-masa berada di-sekolah rombongan itu akan juga menyakit penduduk2 yang tinggal berhampiran di-situ.

LAWATAN DOKTOR MATA KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pakar mata negeri2 British di-Borneo, Dr. E. H. Wallace akan sampai di-Brunei pada 7 June hadapan kerana memeriksa dan mengubati mata di-klinik mata, rumah sakit besar Brunei dan Kuala Belait.

Orang2 yang hendak berjumpa dengan Dr. Wallace ada-lah minta datang ka-klinik2 tersebut di atas seperti berikut:

Bandar Brunei dari 7 June hingga 27 June; Kuala Belait dari 6 July hingga 25 July.

Ubat chachar itu ada-lah di-beri dengan perchuma dan tiada bayaran di-kenakan kerana menyakit itu.

Pengurus baharu sharikat BSP di-umumkan

SERIA. — Yang Berhormat Tuan R. E. Hales, Pengurus dan Pengarah sharikat minyak Brunei Shell Petroleum Co. Ltd akan bersara dari perkhidmatan sharikat itu pada 1 November akan datang.

Dalam satu siaran akhbar, sharikat itu berkata bahawa tempat Tuan Hales akan di-gantikan oleh Tuan P. M. Linton, Pengurus Teknikal sharikat tersebut.

Tuan Hales telah menjadi Pengurus dan Pengarah semenjak tahun 1951, dan ahli Majlis Mesuarat Negeri Brunei semenjak tahun 1957.

Beliau telah di-kurniakan bintang C. B. E. oleh Baginda Queen dalam tahun 1956.

Kunjongan Hari Raya ka-Istana

BANDAR BRUNEI. — Lebih 10,000 orang laki2 dan perempuan dari segala bangsa telah mengunjongi Istana Darul Hana kerana menguchapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri pada tahun ini.

Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri telah mengalu2kan kedatangan mereka sa-lama tujuh hari dari hari raya kedua.

Ini-lah bilangan yang terbanyak sa-kali mengunjongi Istana kerana menguchapkan Selamat Hari Raya kepada keluarga Diraja.

Ibu Indonesia tunjukkan jalan kemajuan

Kaum wanita Indonesia di-seluruh dunia telah merayakan "Hari Kartini" pada 21 April yang lalu sa-bagai mengingati jasa sa-orang wanita yang telah tunjukkan jalan kebebasan dan penghidupan yang lebih baik.

Wanita itu ia-lah Raden Adjong Kartini, pemimpin yang bijak memandu wanita Indonesia dari kurungan rumah tangga ka-lapangan perjuangan kerana menuntut kebebasan kaum sa-jenis-nya.

Adjong Kartini di-lahirkan pada 21 April, 1879, anak kapada sa-orang pegawai tinggi kerajaan dan telah mendapat pelajaran barat.

Apabila tamat dari sekolah, beliau telah menyedari bahawa perempuan itu bukan-nya di-dapor sahaja tempat-nya. Mereka itu berhak mengambil bahagian dalam segala urusan kerana kepentingan negara.

'KAUM WANITA HENDAK-LAH BERJASA'

Pelita Brunei sukashita meneri, ma sa-puchok surat daripada sa-orang pembacha-nya, "Wanita Sarawak" dari Kuching, yang berasa ragu2 tentang sikap kaum wanita mempertahankan chogan2 kata yang memberi taraf kemuliaan kapada wanita.

Surat tersebut berbunyi saperti berikut :

"Kita selalu mendengar perkataan "pemudi tiang negara" dan "pemudi itu ia-lah melati bangsa," tetapi apa-kah bukti kita kapada negara untuk mempertahankan chogan kata itu?

"Hidup lawan-nya mati, bukan hidup hanya untuk menanti mati atau hidup untuk menchari bahan bagi perut kosong.

"Kita mesti membuat jasa sa-umur hidup, kerana jika hidup tidak berjasa sama-lah saperti pohon yang tidak berbuah, bak kata peribahasa, 'harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.'

"Biar-lah kita hidup saperti dian. Sunggoh pun ia membakar diri sendiri tetapi ia memberi faedah kapada ramai.

"Kita pernah mendengar orang berkata bahawa tempat wanita itu di-dapor.

"Orang2 yang berkata demikian maseh berpegang tegoh pada adat lama kerana mereka takut dan benchi melihat kebebasan wanita pada hari ini.

"Di-zaman kebebasan ini kita mesti berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum laki2.

"Kita sedia ma'alum bahawa mereka yang berfaham kolot itu akan berakhir dan terserah-lah kapada angkatan kita sekarang membuktikan bahawa tempat wanita itu bukan-nya sahaja di-dapor."

Untuk menchapai chita2 itu beliau berpendapat bahawa wanita Indonesia, saperti wanita negeri2 barat hendak-lah di-beri pelajaran.

Beliau telah membuka beberapa buah sekolah wanita. Langkah itu telah mendapat sambutan besar dari kaum wanita dan laki2 juga.

Kartini telah meninggal dunia tidak lama kemudian sa-masa umur-nya 25 tahun. Beliau telah mati melahirkan sa-orang anak.

Tetapi pergerakan yang di-anjorkan-nya itu telah berkembang ka-seluruh kepulauan Indonesia dan kaum wanita negeri itu, tua dan muda, bersunggoh2 memasoki sekolah dewasa kerana hendak meninggikan taraf mereka.

Jurutera baharu

BANDAR BRUNEI. — Tuan A.E.G. Moore telah menggantikan Tuan G. T. Myles sa-bagai Jurutera Negeri Brunei pada 27 April lepas apabila Tuan Myles berlepas dari Brunei dengan kapal "Perlis" kerana berchuti sa-belum bersara.

Tuan Myles telah menjadi Jurutera Negeri semenjak tahun 1953.

LANGKAH MENCHEGAH PENYAKIT CHACHAR

BANDAR BRUNEI. — Wabak penyakit chachar di-Singapura yang telah mengemparkan penduduk2 negeri ini telah dapat di-kawal, kata satu siaran Pejabat Perubatan Negeri Brunei.

Sunggoh pun demikian pehak perubatan tidak akan mengendorkan usaha mencheгах penyakit itu dari berjangkit ka-negeri ini. Orang2 dagang hanya di-benarkan masuk ka-negeri jika mereka itu mempunyai surat keterangan bersungkit.

Dalam pada itu penduduk2 negeri yang belum bersungkit semenjak tiga tahun dahulu ada-lah di-nasihatkan datang bersungkit di-klinik2 rumah sakit dan di-dispensary2.

Klinik2 rumah sakit Bandar Brunei dan Kuala Belait dan dispensary2 Tutong dan Bangar akan di-buka tiap2 petang dari pukul 1.30 sampai 3.30 untuk memberi perkhidmatan ini.

Usaha menyungkit akan di-jalankan sa-lama di-fikirkan mustahak untuk menjaga kesihatan penduduk2 negeri.

SIAPA-KAH MEMBANTU IBU BAPA?

BANDAR BRUNEI. — Satu perkara yang sering menjadi buah perbincangan di-kalangan ibu bapa ia-lah sama ada anak2 yang telah dewasa bertanggung jawab membantu ibu bapa.

Ibu bapa selalu bersungut menudoh anak2 yang telah dewasa dan berumah tangga bahawa mereka itu tidak memberi bantuan yang sa-chukup-nya.


Sa-kira-nya di-akui bahawa anak2 itu berhutang budi dan wajib membantu ibu bapa di-masa ibu bapa itu sudah tua, tidak-kah benar bahawa kewajipan yang utama bagi ibu bapa itu ia-lah mendidik anak2 supaya mereka menyedari hutang budi yang telah di-terima daripada ibu bapa itu.

Ini bermaana ibu bapa itu bukan sahaja mesti menumpahkan kasih sayang sa-mula jadi kapada anak2 malahan mereka hendak-lah memberi dedakan yang sempurna dan memberi pelajaran yang berguna untuk membolehkan anak2 itu hidup dalam kebahagiaan kelak.

Anak2 itu hendak-lah di-hantar ka-sekolah supaya menuntut ilmu untuk bekalan dunia dan akhirat bagi kepentingan diri-nya.

Ibu bapa hanya berharap mendapat bantuan dari bekalan yang berlebeh dari yang di-pentingkan oleh anak2 itu kerana hendak-lah di-ingati bahawa sa-telah dewasa anak2 itu akan berumah tangga pula.

Apabila sampai giliran anak2 itu menjadi ibu bapa tanggung jawab-nya ia-lah terhadap anak2-nya pula.



Orang2 sakit di-rumah sakit Kerajaan, Bandar Brunei dan banduan2 di-penjara Jerudong telah di-jamu dengan kueh2 Hari Raya dan minuman oleh Persatuan Islam Brunei saperti tahun2 yang sudah.

Tiga orang ahli jawatan kuaso kechil persatuan itu kelihatan bergambar dengan kanak2 di-rumah sakit bersama dengan doktor dan jururawat. Dari kiri: Awang Hussin bin Pehin Orang Kaya di-Gadong (setiausaha), Puan B. Berthoud (matron), Awangku Momin bin Pengiran Damit, Pengiran Momin bin Pengiran Othman, Dr. M. T. Read, Puan Fong (sister), sa-orang jururawat dan dua orang anggota rumah sakit itu.

RANCHANGAN SUKAN UNTOK TAHUN INI

BANDAR BRUNEI.—Ranchangan sukan anjoran berbagai2 badan di-Negeri Brunei akan di-mulakan di-Seria pada 16 May apabila Persatuan Shell Recreation Club mengadakan sukan tahunan.

Temasha itu akan di-sambong pada 23 May dan pertandingan2 di-adakan di-padang persatuan itu.

Pada 30 May pertandingan lumba lari antara pasokan2 dan persatuan2 akan di-adakan pada malam hari di-Kuala Belait. Perlumbaan itu akan di-anjorkan oleh Brunei Amateur Athletic Association.

Lain2 ranchangan sukan di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait yang akan di-adakan dalam tahun ini ada-lah seperti berikut.

June 6—Pertandingan sukan antara sekolah2 di-Kuala Belait, dan pada hari itu juga sekolah2 dalam Daerah Brunei akan me-

ngadakan pertandingan sukan di-Bandar Brunei.

June 14—Pertandingan sukan

sekolah2 sa-Negeri Brunei di-Seria.

June 19 dan 20—Pertandingan sukan Daerah Belait di-Seria, dan pada hari itu juga akan di-adakan pertandingan sukan Daerah Brunei di-Bandar Brunei.

July 3 dan 4—Pertandingan sukan tahunan sa-Negeri Brunei di-Seria.

July 19—Pertandingan sukan waktu malam Kuala Belait Recreation Club.

KEPUTUSAN PERADUAN MEMBACHA SAJAK

BANDAR BRUNEI.—Antara peraduan2 yang menarek perhatian ramai dalam malam gembira kerana meraikan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia balek ka-Brunei dari London baharu2 ini ia-lah peraduan membacha sajak.

Peraduan itu telah di-adakan dua malam berturut2 dan berakhir dengan S.A. Rahman mendapat hadiah pertama dengan bachean "Sumpah di-hari lebaran" ia-itu satu sajak gubahan "Adi Muda."

P. R. Tajuddin telah mendapat hadiah kedua dengan bachean "Gadis di-kuboran" gubahan "Tongkat Warrant" dan Hussin Razak yang membacha "Suatu perjanjian" gubahan "Adi Kelana" hadiah ketiga.

"Sumpah di-hari lebaran", sajak "Adi Muda" yang pembacha-nya telah mendapat hadiah pertama itu ada-lah berbunyi: Allahu Akbar Allahu Akbar!! Allahu Akbar!!

Sa-rentak memuja menyambut seruan Allahu Akbar.

Di-hari lebaran memperkokoh azam mengisi jiwa memadu kata

Memohon ilham taufik hidayat dari kekuasaan Yang Maha Asa.

Tiada hidup lebeh bererti Sa-sudah tegak di-persada bonda mengibar panji Biar lebor tuboh, berani apa peduli

Asal kembali puasa ka-sisi Ilahi membawa berita Kenangan suchi.

PASOKAN BANDAR TEWAS

Pasokan Tongkadeh, Padang Baharu, Tasek telah mengalahkan pasokan Bandar Brunei 3 goal tidak berbalas dalam pusingan pertama piala perak Centenary di-Padang Besar Pekan Brunei pada petang Ahad, 3 May.

Pemain pasokan tersebut telah bermain sama kuat dari sa'at pertama hingga ka-Akhir perlawanan.

Clement Chia telah mengadakan perlawanan itu.

Bumi hampanan hidangan Ilahi Rabbi

Meluluskan insan ka-arrah amalan ka-luhur bahagia Namun hak dapat di-nikmati Sa-sudah luput dari noda.

Ka-sana-lah haluan kita Damai bahagi sama merasa Menuju kesejahteraan penghuni nan abadi.

TEMASHA HARI IBU BAPA DI-SEKOLAH

TEMBURONG—Ibu bapa murid2 sekolah Melayu Biang di-daerah ini akan mengunjongi sekolah itu pada 9 dan 10 haribulan ini kerana mengambil bahagian dalam Hari Ibu Bapa sekolah tersebut.

Mereka itu akan di-rikan dengan "Malam Gem-bira" yang akan di-adakan dari pukul 7.30 malam, 9 haribulan.

Pada keesokan-nya permainan padang akan di-adakan mulai dari pukul 2 petang.

"Perhimpunan itu akan di-langsungkan pada malam hari apabila "Malam Gem-bira" yang di-mulakan pada hari pertama itu di-tamatkan.

PANTAI YANG SELALU MENDAPAT KUNJONGAN

(Dari Muka 3)

hendak di-baiki pula tidak-lah banyak.

Sungguh pun kapal2 besar belum lagi menggunakan Slipway Muara itu tetapi landasan yang telah di-sedikan itu boleh menerima kapal2 yang mengambil ayer sa-hingga empat belas kaki dalam-nya.

Kapal2 itu ada-lah seperti kapal "Perlis" dan "Perak" yang berulang alek dari Singapura ka-Brunei itu.

Tetapi yang di-harapkan sangat menggunakan slipway itu ialah kapal2 kerajaan dan kapal2 chalu di-antara pelabohan2 Borneo British.

Ketiga2 buah kerajaan di-Borneo British, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara ada-lah menghantarkan kapal2 kecil yang rosak ka-Muara Slipway untuk di-baiki.

Workshop Slipway itu cukup lengkap. Kelengkapan dan jentera yang moden ada-lah perlu jika perusahaan itu hendak di-jalankan dengan baik dan tidak terganggu.

Muara ada-lah juga mashhor di-seluruh negeri kerana pantainya puteh dan permai.

Kerajaan telah membena sebuah rumah perangan yang dinamakan Muara Lodge. Muara Lodge itu-lah tempat tinggal Pesuruh Jaya Tinggai British bila2 beliau datang ka-Brunei.

Kerana keindahan pantai-nya Muara sentiasa di-kunjongi oleh pelawat2 dari Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait pada

tiap2 hujung minggu dan hari kelepasan.

Mereka itu datang bermandi manda dan bermain di-pantai menchari batu karang dan memancing ikan.

Satengah2-nya pula menyewa perahu2 nelayan pergi ka-salah satu pulau yang berhampiran kerana memerhatikan ikan dari segala jenis dan aneka warna bermain dalam laut yang seperti chermin jerneh ayer-nya itu.

HADIAH2 JOHAN BOLA SEPAK

KUALA BELAIT.—Yang Berhomat Pengiran Abu Bakar, Penolong Resident, Belait telah menyampaikan berbagai2 hadiah yang berupa perisai dan piala kepada pasokan2 bola sepak yang telah berjaya dalam perlawanan league tahun ini di-sini pada hari Sabtu.

Higgins Trophy bagi Division Pertama telah dimenangi oleh pasokan Kuala Belait Recreation Club. Naib-nya ia-lah Seria Malay Club.

Perisai McKerron kerana perlawanan pukul mati telah di-hadiahkan kepada Kuala Belait Recreation Club. Naib-nya Shell Recreation Club.

Johan Division Kedua ia-lah Kadazan Association, Seria, naib-nya Dayak Club.

Dua hadiah lagi telah di-sampaikan ia-itu kerana permainan yang baik sa-kali kepada Kuala Belait Recreation Club Division Pertama dan Sekolah Pertukangan, Division Kedua.

KBRC JOHAN LEAGUE PERTAMA

Pasokan SRC kalah 5 gol ta' berbalas

KUALA BELAIT.—Pasokan bola sepak Kuala Belait Recreation Club telah mengalahkan pasokan Shell Recreation Club 5 gol tidak berbalas dalam satu permainan yang hebat di-padang besar di-sini pada petang Sabtu.

Perlawanan itu ia-lah kerana merebutkan Perisai McKerron dan telah di-adakan di-antara pasokan2 bola sepak Brunei dan Miri sa-chara pukul mati.

Kuala Belait Recreation Club telah memasoki perlawanan akhir melawan Shell Recreation Club itu sa-telah mengalahkan pasokan Shell Malay Club, Seria 6 goal berbalas dua dan Miri Amateur Football Association 4 goal berbalas 1.

Pasokan Shell Recreation Club telah mendapat bye dan kemudian-nya mengalahkan pasokan Sekolah Pertukangan 4 goal berbalas 2 dalam perlawanan semi final.

Pemain2 KBRC ia-lah Raili Matshah, Johnny Marcus, Ibrahim Yahya, Ibrahim Yusof, Ja-raie, Md. Yassin Haji Metassim, Augustin Jiew, M. Murni, Pengiran Puteh, Hashim Suhaimi dan Awangku Radin.

Pemain2 SRC: Morris Chelliah, Suhaili Hashim, Ali Paun Johnny Heng, G.H. Vaughan, Visian Rosaya, Francis Rajah, Roland Teo, Clement Chia, Anthony Jiew, F.S. Yapp.

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 6 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 persembahan Orkest Saiful Bahri
- 1.05 Lagu2 hiburan.
- 1.05 Lagu2 nyanyian Trez Amigos dan Merry Brown Sisters
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 nyanyian Salbiah
- 7.01 Lagu2 berunsor kelasik
- 7.15 Cherita Pendek — menyiarkan cherita2 yang di-terima daripada pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah.
- 7.30 Lagu2 permintaan kaum ibu lagu2 permintaan yang di-khaskan untuk kaum ibu sahaja, Penerbit: P. Muhamad
- 8.00 Bintang malam.
- 8.15 Ranchangan Kaum Ibu oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

KHAMIS, 7 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 nasihat
- 12.45 Lagu2 Melayu jati.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 Mesir.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.31 Kenangan lama — lagu2 yang membawa kenangan
- 7.01 Bachaan Koran.
- 7.15 Sharahan ugama.
- 7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir.
- 7.45 Islam di-zaman nabi2 — satu renchana mengesahkan perkembangan Ugama Islam di-zaman Nabi2 — di-terbitkan oleh Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 8.00 Pilehan lagu2 Mesir.
- 8.15 Pelajaran ugama di-udara oleh Che'gu Salleh.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

JUMA'AT, 8 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Bachaan Koran dan sharahan ugama.
- 1.00 Sembahyang Juma'at di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 langgam
- 7.01 Aziz Satar dengan lagu2 jenaka
- 7.15 "Lama dan Baru" Di-terbit-kan oleh Dk. Intan.
- 7.30 Hiboran oleh Orkest Rangkaian Sukma, Kuala Lumpur (ulangan)
- 8.00 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Meninjau ka luar negeri oleh P. Muhammad.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

SABTU, 9 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu irama baharu
- 12.45 Lagu2 Melayu jati
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 permintaan hujung minggu — Jamil Abdullah.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 Cha-cha dan Rumba
- 7.01 Ruangan pemuda pemudi — Bertemu dan beramah tamah dengan pemuda pemudi yang chendrong ka-arrah kemajuan masyarakat Penerbit: Dk. Intan dan Halimah Hussein
- 7.30 Lagu2 Pilehan Sendiri — Sa-orang pendengar di-jemput datang ka Studio untuk memilih lagu2 kesukaraan-nya Penerbit: Dk. Mariam
- 8.00 Ruangan kanak2 — di-terbitkan oleh Halintah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 "Tidor-lah Intan" di-terbit-kan oleh Jamil Abdullah.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

AHAD, 10 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Hiboran oleh Orkes Dendang Irama — daripada Awg. Besar Sagap.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Menekmati lagu2 film.
- 1.30 Cherita Pendek (Siaran Ulangan).
- 1.45 Ruangan Mana Suka.
- 2.00 Rehat.

MALAYA-BRUNEI SATU DARI SEGI SEJARAH

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Dato Paduka Abdul Razak bin Hussein mensifatkan Persekutuan Tanah Melayu dan Brunei sa-bagai dua buah negeri yang satu asal.

Ini telah di-ucapkan-nya dalam satu majlis jamuan negara yang di-adakan di-sini kerana menyambut kedatangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei ka-Persekutuan.

Dato Razak berkata bahawa kedua buah negeri itu telah sama2 di-jajah oleh penjajah British. Ra'ayat kedua buah negeri itu satu keturunan, satu bahasa, satu kebudayaan dan satu ugama.

"Pendek-nya Negeri Brunei dan Persekutuan boleh di-katakan mempunyai satu sejarah dan mempunyai perhubungan persaudaraan yang rapat dan karib dari zaman berzaman," kata Dato Razak.

Dato Razak telah menyatakan juga akan rasa shukor-nya dengan kejayaan rundingan perlembagaan yang diadakan baharu2 ini di-London di-antara Brunei dengan Kerajaan British.

Beliau perthaya bahawa perlembagaan baharu itu akan memberi Brunei satu chorak pemerintahan yang di-chita2 oleh Duli Yang Maha Mulia dan ra'ayat baginda.

"Dengan perubahan perlembagaan itu, saya berharap perhubungan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu akan bertambah rapat lagi untuk kebahagiaan ra'ayat kedua buah negeri," kata Dato Razak lagi.

Dato Razak telah menamatkan ucapan dengan memberi jamin-

an bahawa Persekutuan akan bersedia memberi apa juga bantuan yang di-kehendaki oleh Brunei untok kemajuan Negeri Brunei.

PEGAWAI UGAMA BERLATEH DI-MAYAYA

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai mesjid Brunei dan sa-orang kerani dari Pejabat Kadhi Besar, Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Malaya baharu2 ini untok mendapat latehan dalam pertadbiran pejabat ugama.

Mereka itu ia-lah Pehin Khatib Haji Metali bin Mohamad Yassin, Mudim Haji Adenan bin P.D.I. Haji Mokti dan Pengiran Metassan bin Pengiran Munggu.

Khatib Haji Metali dan Mudim Haji Adenan akan mendapat latehan dalam hal ahwal urusan pejabat kadhi dan Pengiran Metassan dalam urusan pendaftaran.

Mereka itu di-jangka akan berada di-Pejabat Ugama Johore dari enam bulan hingga sa-tahun.

TAHZIAH DYMM KAPADA KELUARGA PEGUAM

IPOH (Malaya)—Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab bin To' Muda Abdul Aziz telah meninggal dunia pada 15 April lepas di-rumah-nya di-sini tidak beberapa hari sa-telah kembali dari United Kingdom sa-bagai penasihat undang2 kapada rombongan perlembagaan Brunei.

Dato itu ia-lah sa-orang peguam dan bekas Menteri Besar Perak dan telah datang ka-Brunei pada awal tahun ini kerana membantu merangka satu perlembagaan yang sa-suai bagi Brunei.

Beliau telah pergi ka-London dalam bulan March bersama dengan rombongan perlembagaan yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia dan balek ka-Malaya pada 9 April.

Kematian Dato itu pada masa umur-nya 54 tahun telah di-sampaikan kapad Duli Yang Maha Mulia menerusi sa-puchok kawat dari Ipoh.

Baginda telah menyatakan kedukaan baginda dan ra'ayat Bru-

nei dalam sa-puchok kawat tahziah kapada keluarga Allah yaraham itu.

"Negeri Brunei mendengar dengan amat sedeh-nya akan kehilangan sa-orang yang telah menjadi penasihat kapada saya dan rombongan saya berkenaan dengan perlembagaan dan satu perjanjian baharu bagi Brunei," kata baginda.

Yang di-Pertua baharu BAAA

BANDAR BRUNEI. — Tuan Ong Kim Kee telah di-lantek menjadi Yang Dipertua Brunei Amateur Athletic Association dalam mashuarat agong tahunan persatuan itu baharu2 ini.

Lain2 pegawai2 persatuan tersebut ia-lah: Naib2 yang dipertua, Pengiran Momin dan Tuan R. W. Fishenden; setiausaha Tuan M. V. Singham dan bendahari, Tuan E. Jaboh.